



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

GESA TINDAKAN SEGERA MEMBENDUNG JANGKITAN COVID-19 DI KALANGAN KANAK-KANAK

Hari ini saya telah membuat pemantauan dan tinjauan terhadap penyampaian perkhidmatan kebajikan oleh petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan petugas-petugas di Pusat Kuarantin dan Rawatan Bersepadu COVID-19 (PKRC) di *Melaka International Trade Center* (MITC), Melaka. Tinjauan dan pemantauan ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kebajikan oleh petugas-petugas barisan hadapan kepada kumpulan sasar di bawah Kementerian yang telah ditempatkan di PKRC MITC akibat jangkitan COVID-19.

Seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, **peningkatan jumlah akumulatif jangkitan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak daripada pelbagai peringkat umur adalah amat membimbangkan dan saya berharap agar perhatian segera dapat diberikan oleh semua pihak terhadap perkembangan terbaru ini.** Laporan terkini sehingga 30 Mei 2021 merekodkan seramai **82,341 orang kanak-kanak telah dijangkiti oleh virus COVID-19 yang terdiri daripada 19,851 kanak-kanak berumur 4 tahun kebawah, 8,237 kanak-kanak berumur antara 5 hingga 6 tahun, 26,851 kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun dan 27,402 kanak-kanak berumur antara 13 hingga 17 tahun.**

Pada masa ini tahap keberkesanan vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun masih lagi dalam kajian. Oleh yang demikian, saya ingin menggesa agar kajian pemberian vaksin tersebut dipercepatkan kerana kanak-kanak juga merupakan golongan yang berisiko mendapat jangkitan COVID-19. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan berhubung dan bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses

Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) untuk memastikan kebajikan dan kesihatan kanak-kanak di negara ini terus terpelihara.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas kebajikan, pembangunan dan kesejahteraan kanak-kanak di negara ini saya ulangi seruan kepada semua ibu bapa dan penjaga agar mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan **memastikan juga supaya :-**

- i. Tidak membawa kanak-kanak ke tempat yang sesak;**
- ii. Kanak-kanak sentiasa berada dalam persekitaran yang sihat dan selamat;**
- iii. Sentiasa menjaga kebersihan diri kanak-kanak;**
- iv. Rancang aktiviti 'indoor' yang menceriaikan;**
- v. Melatih kanak-kanak mengamalkan 3W (Wash, Wear & Warn) dan elakkan 3C (Crowded place, Confined space & Close conversation);**
- vi. Memberi advokasi dan kefahaman tentang COVID-19 kepada kanak-kanak; dan**
- vii. Ibu bapa/penjaga mestilah mempunyai kesedaran dan mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat mengenai COVID-19 daripada sumber yang mempunyai kredibiliti untuk membendung berita palsu/tidak benar mengenai COVID-19.**

Sama-samalah kita menjalankan tanggungjawab memelihara kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak di negara kita lebih-lebih lagi ketika pandemik COVID-19 ini.

Pada masa yang sama, saya juga telah menyumbang barangan berupa alat permainan kanak-kanak yang telah disampaikan melalui pihak pengurusan PKRC untuk kegunaan kanak-kanak yang dijangkiti dan sedang mendapat rawatan di PKRC ini. Lindung Diri, Lindung Semua.

###

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
5 Jun 2021